



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA**

**KOD KURSUS : DSM2143**

**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian (100 Markah) sahaja:
  
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperitimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Mengapakah seorang Pengurus Sumber Manusia perlu menjadi sebahagian daripada Jawatankuasa Perancang dalam sesebuah organisasi?

(10 markah)

- b. Encik Jimmy bekerja sebagai Eksekutif Kewangan di sebuah Syarikat Insurans AOE Sdn. Bhd. Beliau telah menghantar notis berhenti kerja kepada majikannya kerana mendapat tawaran kerja di organisasi lain. Majikan beliau sangat bantu bagi mencari pengganti Encik Jimmy. Hal ini demikian kerana Encik Jimmy merupakan seorang Eksekutif yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang kewangan. Cadangkan perancangan sumber manusia yang sesuai digunakan oleh majikan Encik Jimmy untuk menggantikan jawatan Encik Jimmy di syarikat itu.

(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Bagaimanakah pihak majikan boleh menghasilkan huraihan kerja yang lengkap?

(14 markah)

- b. Pada pendapat anda, apakah kesan ke atas pemilihan pekerja sekiranya majikan melaksanakan analisis kerja?

(11 markah)

**SOALAN 3**

Soalan a dan b adalah berdasarkan situasi di bawah.

Suhaida sudah kepenatan kerana telah menghabiskan sehari suntuk menemu duga calon untuk jawatan pembantu penyunting tambahan pula petang itu adalah hari Jumaat. Oleh sebab pembantu baru ini akan bekerja dengan Suhaida dan seorang rakan editor, Iqbal, maka kedua-dua rakan sekerja ini telah menjalankan temu duga bersama. Suhaida berpendapat bahawa seseorang pekerja yang lebih berumur boleh menjadi pekerja yang bertanggungjawab, manakala Iqbal lebih suka pembantu yang lebih muda dan bercita-cita serta bermotivasi tinggi.

Selepas menemu duga tiga calon pertama bersama-sama dengan Iqbal, Suhaida kini terpaksa menemu duga calon terakhir secara berseorangan. Iqbal terpaksa pulang ke rumah sebab kurang sihat. Suhaida telah menyediakan beberapa soalan yang dirancangnya untuk ditanya semasa temu duga nanti. Namun, masa yang diperuntukkan tidak mencukupi kerana dua sesi temu duga yang dilaksanakan lebih lama daripada yang dijangka. Sekurang-kurangnya temu duga ketiga lebih ringkas, tetapi sekali lagi Suhaida berasa bahawa dia belum mendapat maklumat yang cukup tentang pemohon berkenaan. Baik Iqbal mahupun Suhaida tidak berjaya membuat calon itu menceritakan lebih banyak tentang dirinya selain perkara asas yang tertulis pada resumennya.

**Situasi 1**

- a. Jelaskan persediaan yang perlu dilakukan oleh Suhaida dan Iqbal sebelum menjalankan sesi temu duga.  
(6 markah)
  
- b. Apakah kelemahan yang telah dilakukan oleh Suhaida dan Iqbal dalam proses temu duga?

(10 markah)

- c. Mampukah ujian-ujian pekerjaan menjadi alat yang boleh dipercayai untuk memilih calon yang terbaik?

(9 markah)

**SOALAN 4**

- a. Bernardin & Russel (1997) berkata bahawa merekrut melalui sumber dalaman merujuk kepada usaha perekrutan ke atas sesuatu posisi kerja daripada para pekerja yang sedia ada di dalam syarikat. Jelaskan kaedah kenaikan pangkat dalam merekrut pekerja.

(5 markah)

- b. Puan Zaleha sedang membuat penilaian terhadap penggunaan sumber luaran dalam proses perekrutan pekerja. Anda dikehendaki mencadangkan strategi yang boleh digunakan oleh Puan Zaleha untuk melaksanakan perekrutan luaran yang berkesan bagi mengelakkan majikan mengalami kerugian.

(12 markah)

- c. Merujuk penyelidikan yang dibuat didapati bahawa pekerja yang diambil bekerja melalui rujukan pekerja adalah kekal lebih lama dalam sesebuah organisasi. Selain itu, prestasi pekerja ini juga adalah lebih baik berbanding dengan pekerja yang diambil bekerja melalui kaedah yang biasa seperti pengiklanan.

**Pernyataan 1**

Berdasarkan kepada pengetahuan anda, adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Jelaskan.

(8 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**